

Isytihar jika peluk Islam

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan HAMDEN RAMLI

PUTRAJAYA 10 April – Kerajaan akan memperkenalkan satu peraturan baru mewajibkan mereka yang ingin memeluk agama Islam mengisytiharkan perkara itu secara terbuka bagi mengelak masalah di kemudian hari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan memeluk Islam yang dibuat secara senyap-senyap seperti diamalkan sebelum ini mengundang banyak masalah sehingga menyebabkan berlaku ketegangan kaum.

“Pada masa ini tidak ada peraturan itu. Oleh itu, kita perlu fikirkan satu peraturan mewajibkan orang yang hendak memeluk Islam jangan buat senyap-senyap.

“Mereka perlu beritahu keluarga kerana ini perkara penting. Kita tidak mahu berlaku masalah yang menyulitkan semua pihak

terutama ketika dia meninggal dunia di kemudian hari,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Ke-47 di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di sini hari ini.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Abdul Aziz.

Abdullah berkata, peraturan itu perlu kerana ada kalanya individu yang memeluk Islam akan membawa sama anak-anak mereka untuk berbuat demikian.

Kata beliau, dalam hal ini hak pasangan masing-masing juga perlu dihormati kerana mungkin ada perjanjian telah ditandatangani ketika melangsungkan perkahwinan secara sivil sebelum ini.

Ditanya sama ada satu undang-undang

Peraturan itu perlu kerana adakalanya individu yang memeluk Islam akan membawa sama anak-anak mereka untuk berbuat demikian

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

khusus perlu diwujudkan, Perdana Menteri berkata: “Kena adakan peraturan. Bila orang itu datang hendak peluk Islam, kena tanya isteri. Dah tahu ke? Takkan dia hendak sorok pula. Kalau dia hendak peluk Islam apa salahnya.”

Perdana Menteri berkata, mesyuarat hari ini turut dimaklumkan mengenai keputusan Kabinet menyerahkan peranan mengeluarkan sijil halal kepada Perbadanan Pembangunan Halal (HDC).

Katanya, langkah itu selari dengan peranan HDC dalam mempromosikan perkembangan industri halal di negara ini selain meningkatkan kemajuan industri

tersebut bersama jabatan-jabatan kerajaan lain.

Bagaimanapun, tegasnya, sijil halal tersebut masih mengekalkan sijil halal dengan logo Jakim.

Katanya, ini penting kerana sijil halal yang dikeluarkan Jakim telah diiktiraf dan diakui seluruh dunia.

“Dari segi penyelidikan sebelum sijil halal dikeluarkan juga akan terus dijalankan oleh pegawai Jakim yang akan berkhidmat di bawah HDC.

“Selain itu, latihan kepada pegawai juga akan terus dijalankan oleh Jakim,” katanya.